SULIT
1125/1
Pendidikan
Moral
Kertas 1
2 ½ jam

**PANITIA PENDIDIKAN MORAL**
**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KINTA UTARA**

---

# MODUL SET 2

PENDIDIKAN MORAL
Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1.Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:
Bahagian A mempunyai lapan soalan struktur dan Bahagian B mengandungi tiga soalan esei.
2.Anda dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan **dua** soalan daripada Bahagian B.
3.Jawapan anda mestilah berlandaskan nilai-nilai moral yang terdapat dalam Sukatan Pendidikan Moral.

| BAHAGIAN | SOALAN | MARKAH |
|---|---|---|
| A | 1 | |
| | 2 | |
| | 3 | |
| | 4 | |
| | 5 | |
| | 6 | |
| | 7 | |
| | 8 | |
| B | 9 | |
| | 10 | |
| | 11 | |
| JUMLAH | | |

**Bahagian A**
**[80 markah]**

*Jawab* ***semua*** *soalan.*

1. Ah Meng seorang pelajar tingkatan 5. Dia selalu berasa mengantuk di sekolah dan sering ditegur oleh guru kerana tidak menyiapkan kerja sekolah. Hal ini kerana dia bekerja sambilan di sebuah pasar raya selepas waktu persekolahan.

(a) Pada pendapat anda, wajarkah Ah Meng bekerja sambilan? Huraikan jawapan anda.

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………....

[3 markah]

(b) Selain daripada nilai rasional dan bertanggungjawab, jelaskan dua nilai lain yang perlu diamalkan oleh Ah Meng.

i. ……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………..

ii. ……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………..

[4 markah]

(c) Sekiranya anda adalah rakan sekelas Ah Meng, senaraikan tiga tindakan yang akan anda ambil untuk membantu Ah Meng.

i. ……………………………………………………………………………………..

ii. ……………………………………………………………………………………..

iii. ……………………………………………………………………………………..

[3 markah]

2. Berikut merupakan iklan tentang satu pertandingan tentang melukis poster di SMK Bandar Baru.

| |
|---|
| **PERTANDINGAN MELUKIS POSTER**<br>*Anjuran Panitia Pendidikan Moral dan Pendidikan Seni*<br><br>**TEMA : KELUARGA BAHAGIA**<br><br>*PENYERTAAN SEMUA PELAJAR AMATLAH DIGALAKKAN* |

(a) Huraikan satu nilai yang ingin diterapkan kepada pelajar melalui pertandingan tersebut.

………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………

[3 markah]

(b) Jasa dan pengorbanan ibu bapa tidak dapat dibalas. Terangkan dua cara anda sebagai seorang pelajar menghargai jasa mereka.

i. ………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………..

ii. ………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………..

[4 markah]

(c) Senaraikan tiga sikap yang dapat anda contohi daripada ibu bapa anda.

i. ………………………………………………………………………………..

ii. ………………………………………………………………………………..

iii. ………………………………………………………………………………..

[3 markah]

3. Poster di bawah berkaitan dengan alam sekitar.




(a) Huraikan satu nilai yang perlu diamalkan oleh masyarakat dalam menjaga alam.

………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………..

[3 markah]

(b) Senaraikan tiga bahan yang anda selalu kitar semula.

i. ……………………………………………………………………………...

ii. ……………………………………………………………………………...

iii. ……………………………………………………………………………...

[3 markah]

(c) "Demi kemajuan alam sekitar perlu dikorbankan." Setujukah anda dengan pernyataan ini. Huraikan.

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………….

[4 markah]

4. Beberapa tahun yang lepas, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjadikan subjek Sejarah sebagai salah satu subjek yang wajib lulus dalam SPM.

(a) Wajarkah tindakan KPM ini? Berikan alasan anda.

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

[4 markah]

(b) Selain dari nilai rasional dan cinta akan negara, huraikan dua nilai yang patut diamalkan oleh remaja dalam menjaga kedaulatan negara.

i. ………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………..

ii. ………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………

[4 markah]

(c) Berikan dua aktiviti yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.

i. ………………………………………………………………………………..

ii. ………………………………………………………………………………..

[2 markah]

5. Gambar di bawah tentang pelaksanaan gaji minimum yang berkuatkuasa 1 Julai 2016.




a. **Wajarkah** tindakan kerajaan menetapkan perintah gaji minimum terhadap pekerja mulai Julai 2016. Nyatakan **komen** anda berdasarkan nilai-nilai murni.

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………..

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………..

(4 markah)

b. Selain penyelarasan gaji minimum, huraikan **dua** cara majikan boleh menjaga kebajikan pekerja.

i. …………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………….

ii. …………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

(4 markah)

c. Ramalkan **dua** kesan, sekiranya majikan tidak melaksanakan penyelarasan gaji minimum tersebut.

i. …………………………………………………………………………………

ii. …………………………………………………………………………………..

(2 markah)

6.

| Anda merupakan ketua rombongan dalam acara lawatan. Ketika dalam perjalanan, beberapa orang peserta rombongan yang beragama Islam telah memberitahu anda bahawa mereka ingin menunaikan sembahyang kerana telah masuk waktu sembahyang. |
| --- |

a. Berdasarkan pernyataan di atas, apakah tindakan anda. Jelaskan alasan berdasarkan nilai-nilai murni.

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………………

(3 markah)

b. Terangkan kepentingan menghormati kepercayaan dan amalan kaum lain.

i. ……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

ii. ……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

(4 markah)

c. Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan kepercayaan agama yang berbeza. Nyatakan tiga perayaan yang disambut di Malaysia.

i. ……………………………………………………………………………

ii. ……………………………………………………………………………

iii. ……………………………………………………………………………..

(3 markah)

7. Berikut ialah ancaman keselamatan yang berlaku di Malaysia yang melibatkan negara-negara ASEAN.







(a) Terangkan dua nilai-nilai murni yang diamalkan negara-negara ASEAN dalam menangani isu ancaman keselamatan.

i. ……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

ii. ……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

(4 markah)

a. Huraikan cara seseorang pemimpin dapat mewujudkan negara serantau yang selamat.

i) ……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

ii) ……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

(4 markah)

b. Selain Malaysia, senaraikan dua negara yang menganggotai ASEAN.

i) ……………………………………………………………………………………

ii) ……………………………………………………………………………………

(2 markah)

8.




(a) Selain badan beruniform di atas, nyatakan tiga badan berunifrom lain yang ada di sekolah anda

i) ..................................................................................................................................

ii) ..................................................................................................................................

iii) ..................................................................................................................................

(3 markah)

(b) Nyatakan dua nilai yang diamalkan oleh pelajar yang menyertai badan beruniform di sekolah.

i) ..................................................................................................................................

ii) ..................................................................................................................................

( 2 markah)

(c) Terdapat banyak kebaikan yang diperoleh apabila menyertai badan beruniform di sekolah. Huraikan pandangan anda tentang aktiviti tersebut.

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

( 3 markah)

(d) Senaraikan dua cara pihak sekolah mengiktiraf kecemerlangan murid dalam bidang kokurikulum.

i) ……………………………………………………………………………..

ii) …………………………………………………………………………….

( 2 markah)

**Bahagian B**
[ 20 markah]

*Jawab mana-mana* ***dua*** *soalan dalam bahagian ini*

9. Berikut adalah keratan akhbar tentang jenayah dalam kalangan remaja.



Oleh Nurul Adlina Kamaludin dan Hafizah Iszahanid
bminggu@bharian.com.my

# Remaja makin bangga, seronok buat jenayah

MEREKA sanggup mencuri, merogol, menjual diri serta membunuh selain terbabit dalam pergaduhan dan samseng. Malah ada yang bertindak di luar batasan adab dan pegangan apabila sanggup menjual diri pada harga serendah RM50 setiap pelanggan untuk mendapatkan wang.

Ini bukanlah profil penjenayah yang diburu mahupun sudah bergelar banduan, sebaliknya senario terkini golongan pelajar yang kian membimbangkan.

Pelajar yang menjadi harapan sebagai generasi pelapis dan sepatutnya bergelut memperlengkapkan diri menjadi insan serba boleh demi masa depan, sebaliknya mencurah tumpuan dan masa muda berharga dengan melakukan pelbagai jenayah seperti mereka yang bertaraf profesional.

Atas alasan mahu mendapatkan populariti, meraih wang mudah serta mendapat perhatian rakan sebaya, pelajar berusia 13 hingga 18 tahun ini sudah tidak lagi malu melakukan jenayah.

Silap jika ada yang beranggapan ini trend semasa bersifat sementara dan hanyalah gelojak jiwa muda remaja yang lebih suka mencuba perkara baru.

Buktinya, statistik serta kajian pihak berkuasa, badan bukan kerajaan (NGO) serta institusi pengajian tinggi tempatan, menunjukkan betapa jenayah pelajar di dalam mahu pun di luar sekolah, bukan lagi sesuatu yang boleh dipandang ringan.

Ia diakui sendiri Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, minggu lalu yang memetik statistik menunjukkan peningkatan kes jenayah bunuh, rogol, samun, merusuh, mencuri dan kesalahan lain membabitkan anak muda itu.

Selain peningkatan kes, jumlah tangkapan pelajar berumur antara 13 hingga 18 tahun juga turut mencatatkan peningkatan.

Buktinya, sepanjang 2007, 1,836 kes jenayah dilaporkan dengan 3,383 pelajar ditahan. Angka itu meningkat sebanyak 382 kes kepada 2,218 kes tahun lalu yang menyaksikan seramai 3,725 pelajar ditahan.

Belum pun reda kejutan akibat kenyataan Musa, Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye pula mendedahkan, dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini, 295 pelajar berusia antara 13 hingga 18 tahun terbabit pelbagai kes jenayah termasuk membunuh.

Sambil mengakui trend itu amat membimbangkan, Lee berkata kebanyakan pelajar itu terbabit dalam kes curi motosikal selain kes pecah rumah, mencederakan orang lain dan rogol. Lebih menyedihkan, walaupun kelab pencegahan jenayah sudah dilancarkan di 3,764 sekolah sejak 1994, ia ternyata tidak berjaya membendung kadar peningkatan jenayah di kalangan pelajar.

Keadaan juga tiada jauh bezanya di sekolah. Hasil kajian Petunjuk Keselamatan dan Jenayah di Sekolah anjuran Universiti Malaya yang diumumkan tahun lalu, menunjukkan empat masalah utama di sekolah adalah kecurian, buli, pergaduhan dan gangsterisme.

Kajian setahun pada 2006 - 2007 dilakukan Pensyarah Fakulti Pendidikan UM Profesor Madya Dr Tie Fatt Hee, membabitkan 740 responden di kira-kira 12 sekolah di Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

"Kajian awal ini cuma membabitkan pelajar berusia 16 tahun yang disifatkan tahap usia penting sebelum memasuki Tingkatan Lima dan seterusnya menyertai masyarakat. Apa yang boleh dirumuskan, jenayah di sekolah tetap berlaku sama ada di bandar mahu pun luar bandar.

"Perkembangan ini amat membimbangkan biarpun hakikatnya jenayah di sekolah ini masih dianggap terkawal jika dibandingkan dengan bilangan murid di seluruh negara," kata Dr Tie ketika ditemui, baru-baru ini.

Lebih membimbangkan, katanya, 46 peratus responden itu mengakui pembelajaran mereka terganggu akibat ancaman jenayah di sekolah yang sekali gus boleh menjejaskan pencapaian akademik mereka.

"Kita perlu ingat, masalah disiplin di sekolah ini bukanlah sesuatu yang berlaku secara tiba-tiba sebaliknya ia membabitkan proses yang berpanjangan. Seperti juga penyakit, ia mempunyai simptom atau petanda awal tertentu yang perlu ditangani seberapa segera.

"Jika ia dibiarkan melarat, tanpa sebarang tindakan oleh pihak sekolah, jenayah ini boleh melarat melangkaui kawasan sekolah."

Dr Tie yang berpengalaman luas dalam bidang pendidikan dan undang-undang, berkata apa yang menyedihkan, majoriti pelajar yang ditemui menerusi kajian itu, mengakui menjadikan kawan atau rakan sebagai rujukan utama dalam sistem sokongan mereka.

"Di mana peranan ibu bapa dan guru-guru yang sepatutnya di hierarki atas sistem sokongan itu dan menjadi tempat utama pelajar mengadu masalah mereka? Ini jelas menjadi satu kepincangan kerana kita perlu sedari, ada bahayanya apabila pelajar menjadikan rakan sebagai pakar rujuk mereka, terutama jika rakan itu juga bermasalah."

Sehubungan itu, beliau menegaskan, sudah tiba masanya semua pihak - ibu bapa, sekolah dan masyarakat menggembleng tenaga bagi mengatasi masalah jenayah di kalangan pelajar ini.

"Guru yang menyedari pelajar bermasalah perlu segera memaklumkan kepada pihak sekolah bagi tindakan susulan termasuk memanggil ibu bapa dan pihak polis. Ibu bapa pula harus bersikap prihatin apabila dipanggil dan bukannya menuding jari.

"Kita juga harus menerapkan kepentingan kaedah pendidikan berkaitan undang-undang yang mana pelajar didedahkan dengan jenayah dan jenis hukuman serta hak mereka," katanya.

Pelajar yang ditahan untuk disiasat berkenaan kes kematian seorang pelajar yang mati dipukul oleh sekumpulan pelajar sekolah agama di Seremban, tidak lama dulu.

Pelajar jadikan rakan sebagai rujukan utama bukan guru atau ibu bapa punca kes juvana makin meningkat

*Kita perlu ingat, masalah disiplin di sekolah ini bukanlah sesuatu yang berlaku secara tiba-tiba sebaliknya ia membabitkan proses yang berpanjangan"*

***Dr Tie Fatt Hee***
*Pensyarah Fakulti Pendidikan UM*

**Info**

**Masalah juvana**

- 5.4 juta pelajar di seluruh negara.
- Indeks pembabitan pelajar dalam jenayah 0.03 peratus berbanding jumlah keseluruhan.
- Usia pelajar bermasalah 13 - 18 tahun.
- Statistik polis: 2007 - 1,837 kes jenayah dan 3,383 pelajar ditahan 2008 - Meningkat kepada 2,218 kes dan 3,725 pelajar ditahan.
- Kajian menunjukkan 48.1 peratus mat rempit berpunca akibat kebosanan, 38 peratus bertujuan mengisi masa lapang dan 27.8 peratus dipengaruhi kawan.
- Seramai 295 pelajar terbabit dalam pelbagai jenayah sepanjang tempoh dua bulan pertama tahun ini.
- Masalah disiplin utama di sekolah adalah kecurian, buli, pergaduhan dan gangsterisme.

Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil oleh masyarakat dalam menangani jenayah remaja berdasarkan nilai-nilai murni yang dipelajari. [10 markah]

……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………

10. Malaysia menghadapi krisis bekalan air bersih. Pelbagai langkah perlu diambil untuk mengelakkan krisis ini daripada menjadi lebih parah.

Sebagai rakyat Malaysia, huraikan langkah-langkah yang perlu masyarakat ambil dalam membantu pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. [10 markah]

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

11. Berikut berkaitan dengan perlakuan Cai Wen.

| |
|---|
| *Cai Wen berdendam kepada gurunya kerana ditegur akan kelemahannya dalam membuat projek Pendidikan Moral. Sejak itu, dia enggan bertegur sapa dengan guru tersebut* |

Wajarkah tindakan Cai Wen? Berikan hujah-hujah anda. [10 markah]

……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………….
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………..
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………